



Oral-B



Pampers

P&G



Semua jenama, satu dasar untuk melindungi anda.



Privasi yang anda layak terima.

Kami mengendalikan data anda dengan baik dan berhemah. Dasar dan langkah pematuhan kami akan memastikannya. Anda boleh menghubungi kami jika ada sebarang pertanyaan dan kebimbangan.

Ka



Dasar Privasi

Dikemas Kini pada 14 Oktober 2022

[Muat turun salinan Dasar Privasi \(PDF\) ini](#)

Soalan Lazim

Soalan yang sering diajukan adalah tentang cara kami mengumpul, menyimpan dan menggunakan data anda.

Adakah kami menjual maklumat peribadi anda untuk pampasan wang?

[Tidak](#)

Adakah kami berkongsi data anda dengan rakan niaga pihak ketiga?

[Ya](#)

Adakah kami menerima maklumat daripada syarikat lain yang mendapat kebenaran daripada anda?

[Ya](#)

Adakah kami menggunakan maklumat anda untuk cadangan produk dan pengalaman laman web yang lebih baik?

[Ya](#)

Adakah kami memberi anda kuasa untuk mengawal data anda?

[Ya](#)

Cara Anda Mengawal Data Anda

Anda mengawal maklumat peribadi anda. Anda boleh menggunakan hak anda dan mengubah pilihan anda bila-bila masa.

✓ **Permohonan Hak Subjek Data**

Bergantung pada tempat mendaftar, akaun P&G anda membolehkan anda mengakses maklumat dan mengemas kini atau memadam data anda.

Sekiranya tidak, anda boleh memohon untuk mengakses, memadam, membetulkan, memilih untuk tidak menerima e-mel atau teks pemasaran atau menghalang penggunaan alamat e-mel atau nombor telefon anda bagi tujuan pengiklanan, [di sini](#)

Anda juga boleh memaklumkan kepada kami untuk menghentikan penghantaran e-mel dan teks pesanan kepada anda dengan mengikuti arahan menarik diri dihantar bersama hebahan ini. Perlu diketahui yang kami perlu menyimpan maklumat bagi menghormati pilihan anda contoh; ekiranya anda mahu kami berhenti menghantar e-mel pemasaran, kami memerlukan alamat e-mel anda untuk disimpan supaya sistem kami mengetahui yang anda tidak lagi mahu menerima hebahan pemasaran ke alamat e-mel itu).

Selain itu, mungkin ada ketikanya kami tidak dapat memenuhi permintaan anda contoh; memadam transaksi data yang kami berhak menyimpannya atau pencegahan penipuan, keselamatan atau melindungi privasi orang lain).

✓ Pengiklanan Berdasarkan Tingkah Laku Tradisional Dalam Talian

Cara anda berhenti menerima iklan berdasarkan minat Untuk berhenti menerima iklan P&G berdasarkan minat, anda boleh [klik di sini](#) atau klik pada ikon AdChoices di salah satu laman web anda. Untuk Eropah, anda boleh klik di [sini](#). Sila pastikan anda memilih untuk menarik diri daripada semua rakan niaga pengiklanan kami:

- Tapad
- TradeDesk
- MediaMath
- Neustar
- Facebook
- Amazon
- Google
- Liveramp

Anda juga boleh untuk tidak mendapat iklan berdasarkan minat di laman web dengan menolak kuki di pelayar anda, menolak permintaan “akses ke data” yang biasanya ada pada aplikasi semasa anda mahu memasangnya atau mengubah tetapan penjejakan pada peranti anda. Perlu diketahui yang anda mungkin juga akan menerima iklan berdasarkan alamat e-mel atau nombor telefon sekiranya anda memberikannya kepada kami untuk tujuan pemasaran. Jika ingin keluar daripada penggunaan itu, sila [hubungi kami](#).

Anda masih boleh melihat iklan mengikut “konteks” walaupun anda tidak memilih iklan berdasarkan minat Walaupun kami berhenti menghantar iklan berdasarkan minat kepada anda, anda masih akan menerima iklan daripada jenama kami di komputer atau telefon mudah alih anda. Walau bagaimanapun, iklan ini adalah berdasarkan konteks pada laman web yang anda layari dan disebut sebagai iklan konteks. Tidak seperti iklan berdasarkan minat yang bergantung pada halaman yang anda layari di telefon mudah alih atau aktiviti tinjauan di komputer anda, iklan konteks adalah iklan yang ditunjukkan kepada anda berdasarkan konteks spesifik laman web yang anda layari. Contohnya, anda masih dapat melihat iklan untuk salah satu jenama penjagaan bayi semasa melihat produk kanak-kanak secara dalam talian kerana laman web ini kebanyakannya dilihat oleh pelawat yang baru menjadi ibu bapa atau bakal menjadi ibu bapa. Anda juga perlu mengetahui yang kami mungkin masih mengumpul maklumat daripada komputer atau peranti anda dan menggunakannya untuk tujuan lain seperti menilai cara laman web kami berfungsi, menyelidikan pengguna atau mengesan penipuan.

Memadam kuki juga turut memadamkan pilihan menarik diri anda Apabila anda memilih untuk tidak menerima iklan berdasarkan minat, kami menghantar kuki pemilihan menarik diri kepada pelayar anda untuk memberitahu kami yang anda sudah tidak berminat untuk menerima iklan berdasarkan minat daripada kami. Kuki pemilihan menarik diri anda akan dipadam sekiranya anda memutuskan untuk memadam semua kuki. Anda perlu untuk menarik diri semula jika anda masih tidak mahu menerima iklan berdasarkan minat.

Akses Atau Pemandaman Untuk membuat sebarang permintaan bagi akses atau pemandaman yang berkaitan dengan data peribadi yang digunakan bagi tujuan pengiklanan tingkah laku dalam talian, yang mana, contohnya, maklumat yang mungkin kami ada mengenai anda pada peringkat kuki atau tahap ID peranti dan juga maklumat yang kami gunakan untuk memberikan iklan yang relevan kepada anda, sila hubungi kami [di sini](#). Untuk memproses permintaan anda, kami memerlukan anda untuk memberikan mana-mana pengecam yang berikut:

- ID kuki anda daripada penyedia perkhidmatan kami: Tapad, Neustar, MediaMath, dan TheTradeDesk.
- ID pengiklanan Mudah Alih Anda (IDFA, ID Android).
- Pengecam Peranti TV Anda bagi Pengiklanan yang merupakan ID unik yang ditetapkan oleh penyedia TV yang Disambungkan, cth., ID Roku bagi Pengiklanan.

▼ **Maklumat Tambahan kepada Wilayah Nordics**

Sekiranya anda memberikan data anda dengan melayari laman web Nordic atau rakan niaga, yang merangkumi:

- <https://www.bravardag.se>
- <https://www.pampers.se/>
- <https://www.pampers.fi/>
- <https://www.pampers.no/>
- <https://se.braun.com/en>

- <https://www.oralb.se/sv-se>
- <https://www.oralb.no/nb-no>
- <https://www.oralb.fi/fi-fi>
- <https://www.oralb.dk/da-dk>
- <https://www.babybox.se>

Anda boleh menggunakan hak subjek data anda dengan mengklik [di sini](#).

✓ Peserta Penyelidikan Pengguna

Bagi membuat sebarang permohonan tentang data peribadi yang kami miliki sebagai sebahagian daripada penyertaan anda dalam salah satu kajian penyelidikan kami, sila lihat maklumat hubungan yang diberikan dalam borang persetujuan anda atau hubungi atau kunjungi pusat kajian anda.

✓ Penduduk California

Sekiranya anda tinggal di California, anda mungkin boleh mengakses maklumat peribadi anda yang kami simpan, meminta maklumat lanjut tentang cara kami memproses maklumat peribadi anda, meminta kami memadamkan data anda atau meminta kami tidak lagi "menjual" maklumat peribadi anda ("menjual" seperti yang ditakrifkan dalam CCPA). Untuk mengetahui dengan lebih lanjut dan menggunakan hak itu, sila [klik di sini](#).

✓ Penduduk EEA dan UK

Jika anda tinggal di EEA atau UK, atau secara fizikal di EEA atau UK, anda boleh mengakses data peribadi yang kami simpan mengenai anda, meminta agar maklumat yang tidak tepat, lapuk, atau tidak diperlukan lagi untuk diperbetulkan, dihapuskan atau disekat dan meminta kami memberikan data anda dalam format yang membolehkan anda memindahkannya kepada penyedia perkhidmatan lain. Anda juga boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa di mana kami bergantung pada persetujuan anda untuk memproses data peribadi anda. Dan anda boleh membantah pemprosesan data peribadi anda oleh kami (ini bermaksud meminta kami berhenti menggunakannya) di mana pemprosesan itu berdasarkan kepentingan sah kami (ini bermaksud kami mempunyai alasan untuk menggunakan data tersebut).

Bagi membuat permintaan, [klik di sini](#).

Jika anda ingin mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai perlindungan data dan hak data peribadi anda secara umum, sila lawati laman web Penyelia Perlindungan Data Eropah di <https://edps.europa.eu/data-protection/> atau laman Pejabat Pesuruhjaya Maklumat UK di <https://ico.org.uk>. Jika anda tidak gembira dengan respons kami terhadap permintaan anda, anda boleh membuat aduan kepada pihak berkuasa perlindungan data di negara anda.

Procter and Gamble España SA mematuhi Kod Tingkah Laku bagi Perlindungan Data dalam AUTOCONTROL, diakreditasi oleh Agensi Perlindungan Data Sepanyol. Oleh itu, ia tertakluk di luar bidang kehakiman sistem pengaduan pemprosesan data yang berkaitan dengan perlindungan data dan pengiklanan. Sedia ada bagi individu yang berminat dengan laman web itu di www.autocontrol.es.

▼ Profesional Pergigian

Sekiranya anda merupakan seorang doktor pergigian dan telah memberikan maklumat anda kepada kami sebagai sebahagian daripada salah satu program bantuan profesional kami, melalui <https://www.dentalcare.com>, sila hubungi kami melalui wakil tempatan P&G anda, sebagai contoh Oral-B.

Cara Kami Mengumpul dan Menggunakan Data -

Seperti jenama lain, kami mengumpul data semasa anda berinteraksi dengan kami atau apabila anda berkongsi data yang boleh dikongsi dengan kami. Kami melakukannya dengan baik dan berhemah bagi melindungi hak anda. Data dapat membantu kami lebih memahami anda sebagai pengguna dan individu. Kami boleh menggunakan maklumat yang kami ada secara berasingan atau menggabungkannya untuk memberikan anda produk, perkhidmatan dan pengalaman yang lebih baik.

▼ Cara Kami Mengumpul Data

Kami mengumpul maklumat mengenai anda dengan menggunakan pelbagai cara dari pelbagai tempat. Beberapa maklumat yang kami kumpulkan mungkin termasuk maklumat peribadi yang boleh digunakan untuk mengenal pasti anda; contohnya; nama, alamat e-mel, nombor telefon atau alamat surat menyurat anda. Di beberapa negara seperti di EEA, UK atau di beberapa negeri seperti California, perkara seperti alamat IP atau kuki dan pengecam peranti mudah alih juga boleh dianggap sebagai maklumat peribadi. Sila ambil perhatian: Kami mungkin menggabungkan semua maklumat yang dikumpulkan tentang anda untuk memberikan produk, perkhidmatan dan pengalaman pengguna yang lebih baik kepada anda.

▼ Anda Berkongsi secara Langsung

Anda memberikan maklumat anda kepada kami apabila mendaftar akaun di laman web kami atau aplikasi di telefon mudah alih atau dengan menghubungi kami atau menghantar e-mel kepada kami. Kami mungkin akan meminta maklumat seperti nama, e-mel atau alamat rumah, tarikh lahir, maklumat pembayaran, umur, jantina, bilangan ahli dalam keluarga dan cara yang anda mahu untuk kami menghantar maklumat tentang produk dan perkhidmatan kepada anda. Contohnya, ke alamat rumah anda, alamat e-mel atau dengan menghantar pesanan ringkas kepada anda.

▼ Anda Berinteraksi dengan Laman Web & E-mel

Kami mungkin menggunakan teknologi yang mengumpul maklumat secara automatik apabila anda melayari laman web, melihat iklan atau menggunakan produk atau perkhidmatan kami. Contohnya, kami

menggunakan kuki (fail kecil yang disimpan pada pelayar komputer anda) untuk memberitahu kami tentang jenis pelayar dan sistem operasi yang anda gunakan, alamat IP, laman web yang anda layari, pautan yang anda klik atau sama ada anda membaca ataupun tidak e-mel daripada kami.

✓ **Anda Menggunakan Aplikasi pada Peranti Mudah Alih & Peranti Lain**

Bagi memberikan anda pengalaman pengguna yang paling baik, kami mungkin menggunakan teknologi yang mengumpulkan maklumat daripada telefon anda apabila anda menggunakan aplikasi mudah alih kami atau peranti "pintar" di rumah anda. Anda bersetuju untuk melakukan perkara ini apabila anda memuat turun aplikasi atau memasang peranti internet. Maklumat ini mungkin merangkumi telefon mudah alih atau peranti ID pengiklanan anda yang lain, maklumat tentang sistem operasi telefon anda, cara anda menggunakan aplikasi atau peranti dan lokasi anda berada. Anda akan mendapat notis tertimbul di telefon atau peranti anda yang memberikan anda pilihan sama ada menerima ataupun menolak. Dan membolehkan kami mengetahui geolokasi anda (lokasi tepat tempat anda berada atau tempat anda mengakses internet).

✓ **Anda Berhubung dengan Rakan Niaga atau Pihak Ketiga**

Kami mungkin mendapat maklumat yang dikongsi atau dijual oleh syarikat lain kepada kami. Contohnya, anda mungkin memberi persetujuan kepada syarikat lain untuk berkongsi maklumat peribadi anda dengan kami semasa anda mendaftar perkhidmatan telekomunikasi atau program mata kesetiaan peruncit. Kami juga mengumpul maklumat daripada tempat yang menjadi tatapan semua orang seperti siaran internet, entri blog, video atau laman web sosial media. Kami juga mungkin menerima maklumat daripada syarikat lain seperti penjual data pengguna yang menjalankan aktiviti perniagaan dengan mengumpul atau menghimpunkan maklumat tentang anda dengan bersumberkan pangkalan data sedia ada umum (selari dengan keperluan undang-undang tempatan) atau daripada persetujuan yang anda berikan untuk digunakan oleh mereka dan seterusnya digunakan oleh kami. Maklumat ini mungkin menyatakan tentang tahap pendapatan, umur, jantina, bilangan ahli keluarga dan produk yang anda beli di internet atau kedai di kawasan sekitar anda.

✓ **Cara Umum Kami Menggunakan Data**

Kami menggunakan maklumat anda untuk membantu kami mencapai matlamat bagi memudahkan kehidupan orang seperti anda setiap hari di seluruh dunia.

Contohnya, kami menggunakan maklumat anda untuk:

- Memberikan perkhidmatan kepada anda
- Mengenal pasti dan mengesahkan anda pada pelbagai program pemasaran dan laman web kami
- Memberi respons pada pertanyaan atau permintaan anda bagi mendapatkan maklumat
- Menyediakan khidmat pelanggan
- Menghantar mesej transaksi (seperti penyata akaun atau pengesahan)

- Menghantar komunikasi pemasaran, soal selidik dan jemputan
- Memproses pembayaran anda untuk produk yang anda beli daripada kami
- Memproses dan mengeluarkan bayaran balik dan kutipan
- Menghantar produk atau sampel yang anda minta
- Membantu anda menguruskan pilihan laman web atau aplikasi P&G
- Membolehkan anda memasuki peraduan atau cabutan bertuah kami
- Berinteraksi dengan anda di sosial media
- Memahami minat dan pilihan anda dengan lebih baik serta memberikan anda dan orang lain dengan tawaran dan hebahan yang bersesuaian
- Menyampaikan iklan yang relevan kepada anda dan menyampaikan iklan yang relevan kepada individu lain melalui penonton yang serupa. Contohnya, jika anda mendaftar untuk menerima e-mel pemasaran untuk pencuci pakaian di A.S., kami mungkin memuat naik alamat e-mel anda yang diolah semula ke Facebook di Perancis untuk mencari pengguna di sana yang, menurut Facebook, “kelihatan serupa” dengan anda supaya kami dapat menyiarkan iklan di Facebook mereka.

Kami juga menggunakan maklumat anda bagi tujuan urus niaga dalaman seperti:

- Kawalan kualiti, latihan dan analisis
- Penyelenggaraan dan pengesahan keselamatan
- Sistem pentadbiran dan pengurusan teknologi merangkumi proses mengoptimumkan laman web dan aplikasi kami
- Tujuan keselamatan merangkumi pengesanan ancaman dan melindungi daripada aktiviti yang berniat jahat
- atau penipuan
- Interaksi penyimpanan rekod dan audit dengan pengguna merangkumi log dan rekod yang disimpan sebagai sebahagian daripada maklumat transaksi
- Pengurusan risiko, audit, siasatan, laporan dan alasan undang-undang serta pematuhan yang lain

Kami juga menggunakan maklumat peribadi anda untuk memahami anda dengan lebih mendalam, merangkumi:

- Bagi tujuan penyelidikan dalaman

- Untuk mereka bentuk dan membangunkan produk, perkhidmatan dan program yang menggemirakan pengguna kami
- Untuk mengenal pasti bakal pengguna

Kami juga mengumpul dan menggunakan maklumat anda, merangkumi maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga contoh: program memperkenalkan kawan), bagi memantau dan mengekalkan insentif kewangan, ganjaran, diskaun (contoh, kupon harga atau perkhidmatan) dan program kesetiaan (keseluruhannya, "Program Ganjaran"). Kami menggunakan maklumat yang anda berikan dalam program ini untuk mengesahkan identiti anda, menawarkan ganjaran unik, mengetahui status program anda dan memudahkan penukaran mata program kepada produk, bahan promosi, bengkel latihan dan item lain. Sekiranya anda bersetuju untuk turut serta dalam sebarang Program Ganjaran, anda boleh menarik balik persetujuan itu dengan menghubungi kami pada bila-bila masa dengan menggunakan butiran hubungan dalam Dasar Privasi ini atau selaras dengan arahan yang ditetapkan dalam terma dan syarat Program Ganjaran. Kami mungkin menggunakan maklumat yang dikumpulkan atau mempunyai kaitan dengan peserta Program Ganjaran kami bagi tujuan lain atau dengan cara lain seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi. Bagi mengetahui maklumat lanjut tentang cara kami menilai maklumat peribadi anda untuk Program Ganjaran seperti yang diperlukan di bawah Akta Privasi Pengguna California ("CCPA"), sila klik [di sini](#).

✓ Cara Kami Menggunakan Kuki

Kuki adalah fail kecil yang dihantar ke komputer anda semasa anda melayari laman web. Kuki menyimpan maklumat berguna tentang cara anda berinteraksi dengan laman web yang anda layari. Kuki tidak mengumpul sebarang maklumat pada komputer atau peranti atau dalam fail anda. Kuki tidak mengandungi sebarang maklumat yang secara langsung boleh mengenal pasti anda sebagai seorang individu. Kuki menunjukkan komputer dan peranti anda hanya sebagai nombor dan huruf yang diberikan secara rawak (contoh: ID kuki ABC12345) bukan sebagai John E. Smith contohnya.

Kami menggunakan kuki atas beberapa sebab, seperti:

- untuk menyediakan iklan yang bersesuaian kepada anda
- untuk mengetahui lebih lanjut mengenai cara anda berinteraksi dengan kandungan P&G
- untuk membantu kami meningkatkan pengalaman anda semasa melawati laman web kami
- untuk mengingatkan pilihan anda, seperti bahasa atau rantau, jadi anda tidak perlu menyesuaikan laman web pada setiap kali anda melawatinya
- untuk mengenal pasti kesilapan dan menyelesaikannya
- untuk menganalisis prestasi laman web kami

✓ Jenis kuki yang Kami Gunakan:

Sangat diperlukan Kuki ini membolehkan halaman itu untuk memuatkan atau menyediakan beberapa fungsi penting yang tidak akan berfungsi tanpa kuki (contoh: menyimpan data anda dalam troli beli belah).

Kuki prestasi Kuki yang kekal membolehkan laman web mengingati apa yang anda lebih suka semasa anda kembali lagi. Sebagai contoh, jika anda memilih untuk membaca laman web dalam bahasa Perancis pada lawatan pertama anda, bila anda kembali lagi, laman web tersebut akan muncul secara automatik dalam bahasa Perancis. Anda tidak perlu memilih pilihan bahasa setiap kali anda melawatinya, justeru menjadikannya lebih senang, lebih cekap, dan mesra pengguna bagi anda.

Kuki Pengiklanan Kuki ini boleh digunakan untuk mengetahui tentang minat anda berdasarkan, contohnya, laman web yang anda layari dan produk yang anda beli. Hal ini juga dapat membantu kami membuat kesimpulan tentang anda seperti umur, status perkahwinan dan bilangan anak. Data itu membolehkan kami menghantar iklan tentang produk dan perkhidmatan kepada anda yang bersesuaian dengan perkara yang anda suka dan mahukan. Hal ini juga membolehkan kami mengehadkan kekerapan anda melihat iklan yang sama.

Kuki analisis Kuki ini memberitahu kami cara laman web kami berfungsi. Dalam banyak kes, kami menggunakan kuki Google Analytics untuk memantau prestasi laman web kami. Keupayaan kami untuk menggunakan dan berkongsi maklumat yang dikumpulkan oleh Google Analytics mengenai lawatan anda ke laman web kami dihadkan oleh [Terma Penggunaan Google Analytics](#) dan [Dasar Privasi Google](#).

✓ Cara Anda Mengawal Kuki

Anda boleh menetapkan penyemak imbas anda untuk menolak semua kuki atau untuk menunjukkan bila kuki dihantar ke komputer anda. Walau bagaimanapun, ini dapat mencegah laman web atau perkhidmatan kami berfungsi dengan baik. Anda juga boleh menetapkan penyemak imbas anda untuk memadamkan kuki setiap kali anda selesai melayari.

✓ Cara Kami Menggunakan Iklan Berdasarkan Minat

Semasa anda melayari laman web rakan niaga kami, kami dapat menunjukkan iklan atau kandungan lain yang kami percaya anda ingin lihat. Contohnya, anda mungkin menerima iklan sabun pencuci pakaian Tide® jika kami melihat anda melayari laman web yang menjual pakaian kanak-kanak atau peralatan sekolah. Daripada maklumat itu, kami mengandaikan yang anda mempunyai anak dan mungkin berminat dengan produk pencuci pakaian yang hebat. Melalui cara ini, kami berhasrat untuk menghantar maklumat yang bersesuaian tentang produk kami yang boleh memberi manfaat kepada anda.

Kami belajar daripada sekumpulan pengguna yang berkongsi minat yang sama Kami mungkin akan memasukkan anda dalam kumpulan pengguna yang menunjukkan minat yang sama. Contohnya, kami mungkin memasukkan anda dalam kumpulan “penggemar pisau cukur” jika kami melihat anda sering membeli pisau cukur dalam talian atau anda mungkin menjadi “pembeli jualan murah” jika kami melihat anda menggunakan kupon dalam talian atau inginkan diskaun atau jualan murah. Kami mengetahui perkara ini semasa anda melayari laman web, pautan yang anda klik di laman web kami dan laman web lain, aplikasi yang anda gunakan pada telefon mudah alih atau jenama e-mel yang anda lihat dan pautan yang anda klik pada e-mel. Kami mengumpulkan kuki dan ID peranti untuk membantu kami mengetahui tentang kecenderungan, kebiasaan atau ciri umum daripada sekumpulan pengguna yang melakukan hal yang sama dalam talian dan/atau luar talian. Melalui cara ini, kami dapat mencari dan

memberikan maklumat kepada ramai orang yang “kelihatan sama seperti” mereka yang sudah berada dalam kumpulan itu. Seterusnya, kami menghantar tawaran dan maklumat produk yang kami percaya sesuai dan bermanfaat kepada mereka.

Kami menghubungkan maklumat lain ke kuki dan ID peranti anda Kuki dan ID peranti anda mungkin dilengkapi dengan maklumat lain, seperti maklumat tentang produk yang anda beli di luar atau maklumat yang anda berikan terus kepada kami semasa mendaftar akaun di laman web kami. Kami melakukan perkara ini dengan cara yang tidak akan mengenal pasti anda secara peribadi. Contohnya, kami boleh mengetahui ID kuki ABC12345 adalah kepunyaan kumpulan penggemar pisau cukur berdasarkan lawatan laman web individu itu tetapi kami tidak mengetahui nama atau alamat serta maklumat lain individu itu yang membolehkan individu itu dikenali. Sekiranya kami mahu mengenal pasti maklumat kuki atau peranti anda (sejarah tinjauan laman web dan aplikasi), kami akan tanya anda dulu sebelum melakukannya.

Kami mungkin dapat mengenali anda di semua komputer, tablet, telefon dan peranti Kami mungkin mengetahui ID kuki ABC12345 adalah daripada komputer yang bersambung dengan orang yang sama atau isi rumah yang mempunyai telefon mudah alih dengan ID peranti EFG15647. Hal ini bermaksud apabila anda mencari maklumat tentang lampin di komputer riba anda, mengklik pada pautan hasil carian Google yang kami taja dan seterusnya anda akan melihat iklan lampin kami berjenama Pampers® di telefon mudah alih anda. Kami menganggap atau membuat kesimpulan orang yang sama memiliki komputer dan telefon kerana mereka menggunakan rangkaian WiFi yang sama setiap hari pada waktu yang sama. Memahami peranti yang digunakan oleh individu atau isi rumah membantu kami mengehadikan kekerapan anda melihat iklan yang sama di semua peranti anda. Perkara ini penting supaya anda tidak merasa tidak senang kerana kami menghantar iklan yang sama kepada anda dan kami tidak mahu anda menerima iklan yang sama berulang kali.

Media yang boleh Tuju Apabila anda memberi kami data peribadi anda melalui laman web atau aplikasi kami, kami akan menggunakan penyulitan data tersebut – atau pengecam pengganti untuk memberikan khidmat kepada anda dengan iklan yang mungkin anda sukai kepada anda. Kami melakukan ini secara am dengan memuat naik salinan alamat e-mel, nombor telefon atau ID iklan mudah alih anda yang disulitkan, yang relevan dalam pasaran anda dan seperti yang anda mungkin telah berikan kepada kami, ke platform yang menawarkan ruang iklan (cth., Facebook, Youtube, Instagram, TikTok, dll.). Kami juga menggunakan data yang sama untuk melayani iklan melalui apa yang dipanggil web terbuka. Ini bermaksud anda mungkin melihat iklan yang relevan daripada kami di laman web atau aplikasi atau tempat lain seperti TV digital yang mengambil bahagian dalam lelongan dalam talian bagi inventori iklan mereka.

Pemadanan Lanjutan Beberapa tapak kami menggunakan ciri Pemadanan Lanjutan yang disediakan oleh Platform Media Sosial kepada pengiklannya (Sebagai contoh, [Pemadanan Lanjutan Facebook](#), [Pemadanan Lanjutan TikTok](#) dan lain-lain). Melalui Padanan Lanjutan, kami akan menghantar beberapa maklumat yang anda masukkan ke dalam medan borang laman web kami (cth., nama, alamat e-mel dan nombor telefon anda - bukan data kategori sensitif atau khas) disulitkan dalam format olahan ke Platform Media Sosial, atau Pikel Platform Media Sosial akan menyulitkan dan menarik data itu secara automatik, untuk tujuan membantu menghubungkan anda dengan kuki penyemak imbas atau ID peranti anda. Perkara ini dilakukan supaya kami dapat menyasarkan dan mengukur keberkesanan pengiklanan kami pada platform Media Sosial. Ini adalah cara kami dapat mengetahui jika kami menunjukkan suatu iklan pada Platform Media Sosial tertentu, anda mengklik padanya, datang ke laman web kami dan membeli sesuatu - ataupun tidak - dan justeru sama ada kami perlu terus membeli iklan pada Platform Media Sosial - ataupun tidak.

Ciri Pengiklanan Google Analytics: Beberapa laman kami menggunakan [Senarai Pemasaran Semula Google untuk Iklan Carian dengan Analisis](#) ("RLSA"), iaitu perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka kepada pengiklan. Apabila individu melawati laman kami, Google Analytics mengumpulkan data tentang lawatan mereka. Jika pelawat mendaftar masuk ke akaun Google mereka, kami dapat menyediakan pengiklanan berasaskan minat kepada pengguna tersebut apabila mereka membuat carian Google bagi istilah yang berkaitan dengan laman web P&G yang dilawati oleh mereka. Sebagai contoh, jika pelawat mendaftar masuk ke akaun Google mereka ketika melawat salah satu laman web Head & Shoulders kami, kami boleh menyediakan pengiklanan Head & Shoulders kepada anda apabila anda mencari "syampu kelemumur" pada Google. Anda boleh [memilih untuk keluar daripada Google Analytics](#) pada bila-bila masa.

✓ Teknologi Lain yang Mungkin Kami Gunakan

Pemancar berdasarkan jarak paling hampir Pemancar menghantarkan isyarat satu hala kepada aplikasi yang anda pasang di telefon mudah alih anda bagi setiap jarak yang pendek untuk memberitahu anda tentang produk jualan semasa anda dalam perjalanan ke kedai. Pemancar hanya memberi isyarat kepada peranti apabila anda berada cukup dekat dan selepas anda bersetuju dalam aplikasi yang berhubung dengan pemancar. Seterusnya, aplikasi itu menyediakan maklumat lokasi kepada kami untuk membantu menyesuaikan iklan dan tawaran kepada anda. Contohnya, apabila anda berada dekat dengan pemancar bahagian penjagaan kulit di pusat beli-belah, kami akan menghantar kupon potongan harga sebanyak \$4.

Piksel Piksel adalah objek kecil yang dimasukkan ke dalam laman web tetapi tidak boleh dilihat. Piksel juga dikenali sebagai "tag," "pepijat laman web," atau "gif piksel." Kami menggunakan piksel untuk menghantar kuki ke komputer anda, memantau aktiviti laman web kami, memudahkan kami masuk ke dalam laman web dan untuk aktiviti pemasaran dalam talian. Kami juga memasukkan piksel ke dalam mesej e-mel promosi atau surat berita kami bagi menentukan sama ada anda membaca dan bertindak ke atasnya.

SDK dan pengecam peranti mudah alih Kami menggunakan kod perisian dalam aplikasi mudah alih kami untuk mengumpul maklumat yang serupa dengan maklumat yang dikumpulkan oleh kuki di internet. Ia akan menjadi maklumat seperti pengecam telefon mudah alih anda (IDFA iOS and ID Iklan Android) dan cara anda menggunakan aplikasi kami. Sama seperti kuki, peranti itu akan mengumpul maklumat secara automatik apabila anda menggunakan aplikasi kami dan tidak sesekali mengenal pasti anda sebagai individu. Kami hanya mengetahui peranti mudah alih sebagai nombor dan huruf yang diberikan secara rawak (contoh: ID iklan EFG4567) bukan sebagai, contohnya, John E. Smith.

Geolokasi tepat Kami mungkin menerima maklumat tentang lokasi anda berada dengan tepat daripada koordinat sistem kedudukan global (GPS), (logitud dan latitud) apabila anda menggunakan aplikasi mudah alih kami. Anda akan sentiasa mendapat notis tertimbul di telefon anda atau peranti anda yang meminta untuk anda menerima ataupun menolak yang membolehkan kami mengetahui lokasi tempat anda berada dengan tepat di seluruh dunia. Anda perlu tahu yang kami selalunya tidak meminta persetujuan anda untuk mengetahui secara umumnya tentang bandar, poskod atau kawasan. Contohnya, kami tidak menganggap lokasi itu adalah tepat jika kami hanya mengetahui yang anda berada di satu tempat di Manila, Filipina.

✓ Kandungan Laman Web dan Aplikasi

Pemalam Laman web kami mungkin mengandungi pemalam daripada syarikat lain seperti rangkaian sosial. Contoh pemalam ialah butang "Suka" Facebook. Pemalam ini mungkin mengumpulkan maklumat (cth., url halaman yang anda lawati) dan menghantarnya kembali ke syarikat yang menciptanya. Ini mungkin berlaku walaupun anda tidak mengklik pada pemalam. Pemalam ini ditadbir oleh dasar privasi dan syarat syarikat yang mewujudkannya, walaupun ia muncul di laman web kami. Kami bertindak sebagai pengawal data tersebut untuk laman web EEA dan UK kami bagi tujuan pengumpulan dan penghantaran data tersebut. Pemalam sedemikian ialah kuki yang tidak penting dan hanya akan berfungsi pada laman web EEA dan UK kami jika anda menerima kuki.

Log masuk Laman web kami membenarkan anda log masuk dengan menggunakan akaun anda dengan syarikat lain, contohnya, "Log masuk dengan Facebook." Apabila anda melakukannya, kami hanya boleh mengakses maklumat yang anda berikan kepada kami untuk menerima maklumat daripada tetapan akaun anda dalam akaun syarikat lain yang anda gunakan untuk log masuk.

Kandungan pengguna Sebahagian laman web dan aplikasi kami membenarkan anda untuk memuat naik kandungan anda sendiri untuk tujuan perakuan, blog, video dan fungsi lain. Perlu diingatkan sebarang maklumat yang anda beri atau hantar akan menjadi maklumat umum. Kami tidak mempunyai kawalan tentang cara orang lain akan menggunakan kandungan yang anda hantar ke laman web dan aplikasi kami. Kami tidak bertanggungjawab atas penggunaan seperti itu yang mungkin melanggar dasar privasi, undang-undang atau privasi dan keselamatan anda.

Pautan Laman web P&G mungkin merangkumi pautan ke laman web lain yang bukan di bawah kendalian kami. Laman web itu akan dikawal oleh dasar privasi dan terma mereka sendiri, bukannya kami.

Cara Kami Berkongsi Data

Kami tidak menjalankan perniagaan untuk berkongsi data peribadi anda dan hanya melakukannya dalam situasi penting. Privasi anda sentiasa dilindungi.

✓ Mendapat Persetujuan Anda

Apabila kami mendapat persetujuan anda, kami mungkin berkongsi maklumat anda dengan rakan niaga pilihan kami supaya mereka dapat menghantar tawaran, promosi serta iklan tentang produk atau perkhidmatan yang kami percaya anda berminat dengannya. Contohnya mereka yang menerima e-mel P&G daripada jenama lampin kami seperti Pampers® mungkin juga bersetuju untuk menerima iklan tentang formula susu bayi daripada syarikat lain.

✓ Platform Dalam Talian dan Syarikat Teknologi Iklan

Laman web dan aplikasi kami mungkin berkongsi pengecam unik, maklumat tersimpul dan terbitan, maklumat dalam talian dan teknikal serta data geolokasi dengan platform dalam talian dan syarikat teknologi iklan untuk membantu kami menyediakan perkhidmatan iklan dan tawaran yang berkaitan. Kami sentiasa memastikan kami mematuhi keperluan undang-undang yang berkuat kuasa, yang mungkin termasuk persetujuan dan/atau penyisihan, ketika melakukannya. Kami tidak menjual maklumat peribadi anda kepada pemasar di luar P&G dalam pertukaran bagi mendapatkan pampasan

wang. Sekiranya anda adalah penduduk California, sila lihat bahagian Hak [Privasi Pengguna California](#) pada dasar privasi di bawah untuk maklumat tambahan.

▼ **Penyedia Perkhidmatan**

